

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
[TITIWANGSA]**

TARIKH : 18.3.2015

SOALAN :

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebarang perancangan berkenaan langkah pencegahan terhadap pengaruh negatif media sosial yang menjejaskan nilai etika dan budaya khususnya bagi kelompok para pelajar sama ada di peringkat sekolah rendah, dan menengah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Media sosial tidak dinafikan memainkan peranan penting dalam pembangunan kebendaan dan mental rakyat. Banyak pihak terlupa bahawa dengan adanya media sosial yang serba canggih dan berteknologi sebenarnya merupakan salah satu faktor yang boleh mempengaruhi budaya, nilai, sikap dan kelakuan sesebuah masyarakat terutamanya para pelajar di sekolah.

Bagi menangani isu ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah memberi penerangan dan penjelasan secara berterusan kepada murid berkaitan pengaruh negatif tersebut. KPM telah pun bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) memberi

penjelasan dan pendedahan berkaitan jenayah siber kepada kelompok pelajar agar mereka dapat mengelakkan diri daripada dipengaruhi oleh pengaruh negatif di media yang semakin menular.

Selain itu juga, kurikulum Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) yang dibangunkan oleh KPM memberi penekanan kepada aspek **Pengetahuan, Kemahiran dan Nilai**. Ketiga-tiga aspek ini merupakan pengisian kepada kandungan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (pdp).

Penerapan nilai dalam pdp TMK diperjelaskan lagi dalam dokumen kurikulum di mana murid belajar melalui penerapan nilai, etika dan integriti. Guru perlu menerapkan elemen nilai, etika dan integriti yang digariskan dalam dokumen kurikulum semasa menjalankan sesi pdp bersesuaian dengan tahap kognitif murid supaya mereka mendapat kefahaman dan kesedaran mengenai pengaruh negatif ketika berada di alam siber apabila melakukan aktiviti.

Di samping itu juga, pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah dilaksanakan untuk memupuk dan mengukuhkan pengamalan nilai-nilai murni dalam kalangan murid. Ruang untuk tujuan ini amat luas dilakukan berbanding dengan usaha yang sama jika dilakukan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Penerapan nilai ini dilakukan secara merentas dalam semua aktiviti yang dianjurkan baik dalam kegiatan sukan dan permainan, kelab dan persatuan mahupun pasukan badan beruniform.

Melalui pelaksanaan program-program kokurikulum ini, murid-murid dapat:

1. mengisi masa lapang;
2. menjalankan kegiatan yang bermanfaat;
3. menerapkan nilai-nilai murni; dan
4. menjadikan sekolah tempat yang menarik.

Budaya pelibatan dalam aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan ini dijangka akan memberi kesan kepada menghindarkan dan seterusnya membendung pelibatan murid-murid sekolah dalam kegiatan penyalahgunaan dadah serta jenayah siber. Menjadi hasrat KPM supaya dengan penerapan semua nilai seperti dinyatakan di atas akan dapat menangani pengaruh negatif media sosial yang boleh menjejaskan nilai etika dan budaya khususnya bagi kelompok murid di peringkat sekolah rendah dan menengah.

RJM35